



# Aplikasi FoodPin bantu mudah cari 'restoran bajet'

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina.z@bh.com.my

► Serdang

Bagi memudahkan orang ramai terutama pelajar mengenal pasti lokasi restoran, gerai atau bistro yang menawarkan pilihan makanan berdasarkan bajet tertentu, penyelidik Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Marzanah A Jabar memperkenalkan aplikasi FoodPin.

yang menawarkan pilihan makanan berdasarkan bajet tertentu, penyelidik Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Marzanah A Jabar memperkenalkan aplikasi FoodPin.

Aplikasi telefon pintar yang boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store itu dibangunkan sejak tahun 2012 bersama-sama

rakan penyelidik, Dr Wan Nurhayati Wan Ab Rahman.

Dr Marzanah berkata, aplikasi berkenaan disasarkan kepada penyedia makanan dan mereka yang ingin mencari tempat makan berdekatan dengan cepat, hanya dengan meletakkan jumlah bajet ingin dikeluarkan.

"FoodPin sangat unik

kerana memaparkan makanan atau menu yang menjadi popular di setiap restoran berdaftar yang mana telah dikelaskan mengikut kadar harga tertentu oleh orang ramai.

"Lebih menarik, pengguna juga mudah mencari restoran halal atau menghidangkan menu vegetarian selain turut diberikan peta terkini serta penun-

jur arah ke lokasi yang ingin dituju," katanya.

## Dua kumpulan

Dr Marzanah berkata, pengguna FoodPin boleh dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu pemilik perniagaan makanan dan minuman (F&B) bersaiz kecil atau sederhana serta pelanggan yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM5,000 sebulan.

"Menurut data dikeluarkan SME Consus pada tahun 2011, Malaysia memiliki kira-kira 142,721 premis perniagaan F&B yang menawarkan harga makanan di bawah RM20.

"Mereka menjadi kumpulan sasaran kami kerana selain reputasi belum dikenali, kebanyakannya premis berkenaan

memiliki bajet rendah dan kurang promosi.

"Dalam masa setahun, kami menganggarkan 2,000 premis F&B dijangka berminat menggunakan FoodPin sebagai medium pengiklanan bagi mempromosikan kedai mereka," katanya.

Sebagai langkah pemasaran, FoodPin akan dikendalikan di bawah syarikat MyInfiTech Sdn Bhd yang dimiliki secara bersama oleh Dr Marzanah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Niloofar Yousefi.

Pada masa akan datang, aplikasi berkenaan akan diperluaskan kepada lebih banyak premis perniagaan meliputi negara lain di seluruh dunia.